

HUBUNGAN (Part 5)

Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi

JENIS HUBUNGAN INTIM DAN CARA HUBUNGAN DIJALANKAN.

HUBUNGAN CINTA

Perasaan cinta adalah fitrah semulajadi manusia. Hubungan ini dibahagikan kepada hubungan dengan pencipta dan hubungan sesama manusia. Hubungan cinta biasanya dikaitkan dengan cinta antara jantina berlawanan. Ini termasuklah cinta suami kepada isteri atau sebaliknya, dan cinta kekasih kepada kekasihnya. Biasanya hubungan cinta ini lahir disebabkan oleh perasaan ingin disayangi dan ingin menyayangi. Robin (1973), menyatakan bahawa cinta terbina dari tiga komponen. Komponen pertama ialah mengambil berat, jaga perasaan, dan kepuasan pihak yang lagi satu sebagai sama penting dengan diri sendiri. Komponen yang kedua ialah ikatan atau keinginan untuk bersama dan komponen yang ketiga ialah keintiman yang melibatkan komunikasi yang rapat dan bersifat rahsia. Oleh sebab itu, gabungan ketiga-tiga komponen ini akan melahirkan perasaan yang dinamai cinta.

Hubungan intim yang berlainan jantina dapat dikategorikan kepada dua, iaitu hubungan suami isteri yang dihalalkan pergaulannya dan hubungan kekasih yang pergaulannya terbatas, dan ia biasanya berlaku dikalangan remaja. Biasanya cinta ini dikaitkan dengan cinta monyet dan hanya ingin kepuasan sahaja dan tidak mempunyai matlamat yang jelas. Cinta ini mudah untuk membuatkan mereka yang mengalaminya terjerumus kepada perkara-perkara mungkar seandainya tiada keimanan yang kuat dalam diri dan pasangan masing-masing. Hubungan suami isteri dapat menghindar seseorang daripada melakukan dosa dan maksiat. Melalui perkahwinan seseorang itu dihalalkan baginya yang diharamkan sebelum perkahwinan.

Terdapat dua jenis cinta, iaitu cinta ghairah dan cinta suci. Cinta ghairah ditakrifkan sebagai cinta yang dipengaruhi oleh perasaan kuat. Dalam kes ini pasangan “menyerap masuk” ke dalam diri pasangannya dan sering merindui sehingga pasangan kekasihnya dianggap sebagai “segala-galanya” dalam hidup dan saling memerlukan. Ini dinamakan cinta sementara kerana ia akan hilang setelah keperluan untuk bersama telah dipenuhi. Cinta suci pula ialah satu bentuk cinta yang lebih murni. Cinta ini didefinisikan sebagai perasaan kasih sayang yang dialami oleh seseorang terhadap individu lain yang rapat dalam hidupnya. Cinta begini memperlihatkan perhubungan yang lebih panjang dan berkekalan.

